

Jalinan secara dua hala yang dipelihara dengan baik dapat memberi manfaat kepada universiti serta alumni. [GAMBAR/HIASAN]



Oleh Khairunnisa Kamarudin
nisa.kamarudin@
bh.com.my

► Kuala Lumpur

Bina kerjasama bersama-sama alumni

Pembabitan aktif dalam aktiviti yang dianjurkan persatuan alumni bukan sahaja membantu graduan mengekalkan hubungan dengan rakan seuniversiti, malah mengenal pasti peluang kerjasama dengan pihak universiti dalam pelbagai bidang.

Hal ini diakui oleh pensyarah Universiti Utara Malaysia (UUM), Mohd Zuwairi Mat Saad, yang aktif mengikuti perjumpaan yang dianjurkan oleh persatuan alumni di universiti-nya sejak tahun 2011.

Mohd Zuwairi yang juga graduan Ijazah Sarjana Pengurusan Komunikasi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkata, setiap tahun persatuan alumni jurusan komunikasi akan mengadakan

makan malam untuk semua bekas pelajar termasuk pelajar baharu.

“Bukan satu kerugian jika kita rajin mengikuti aktiviti yang diadakan oleh alumni kerana banyak perkara dan pengalaman boleh dikongsi bersama untuk manfaat universiti.

Promosi aktiviti

“Ditambah dengan kepesatan dunia siber hari ini membolehkan kita (alumni) berhubung tanpa henti menerusi laman sosial dan aplikasi telefon pintar untuk mempromosikan sebarang

aktiviti alumni bagi membolehkan setiap graduan mendapat maklumat mengenainya,” katanya.

Bagi pelajar tahun akhir Bachelo Komunikasi (Korporat) Universiti Putra Malaysia (UPM), Anwarrul Aswad Ahmad, kewujudan persatuan alumni membolehkan hubungan berterusan dalam bentuk sosial dan profesional terjalin antara universiti dengan graduannya.

Katanya, jalinan secara dua hala yang dipelihara dengan baik dapat memberi manfaat kepada universiti serta alumni,

secara langsung memupuk rasa kepunyaan, sekali gus menanam perasaan sayang dan prihatin berkekal terhadap universiti dalam kalangan graduannya.

“Alumni boleh kembali ke universiti untuk berkongsi sejarah pahit manis tentang kehidupan mereka di universiti selain berkongsi tip dan rahsia kejayaan.

“Bagi pelajar, perkongsian sebegini dapat membantu mempersiapkan diri dengan cabaran kerjaya selain membentuk jaringan kenalan dalam dunia kerjaya,” katanya.



“ALUMNI BOLEH KEMBALI KE UNIVERSITI UNTUK BERKONGSI SEJARAH PAHIT MANIS TENTANG KEHIDUPAN MEREKA DI UNIVERSITI SELAIN BERKONGSI TIP DAN RAHSIA KEJAYAAN”

Anwarrul Aswad Ahmad,
Pelajar UPM